

Pendedahan akhbar jika benar akan diambil tindakan

1 M 29 AUG 1992

Oleh
Mukmin Latiff

PULAU PINANG 28 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan tetap akan mengambil tindakan jika sesuatu pendedahan yang dibuat oleh akhbar didapati benar sekalipun ia berpunca daripada maklumat kerajaan yang dirahsiakan.

"Kerajaan tidak berniat menutup mulut akhbar kerana benda yang benar akan disebut benar juga," kata Perdana Menteri.

Namun begitu, beliau mengingatkan, tindakan undang-undang di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) akan diambil jika akhbar membeli atau menghantar pegawai-pegawai kerajaan memberi maklumat yang dirahsiakan.

Diminta mengulas kenyataan supaya tindakan di bawah

OSA diambil berhubung pendedahan akhbar mengenai isu pembelian 22 buah kereta Volvo oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, beliau menegaskan perkara itu sudah berlaku dan kerajaan akan teruskan siasatan untuk menentukan kebenaran terhadap tuduhan itu dan tindakan sewajarnya akan diambil jika didapati tuduhan itu benar.

"Kerajaan tidak berniat menyekat kebebasan akhbar dalam melaporkan maklumat, malahan bersedia mengambil tindakan jika kebenaran didedah," kata Perdana Menteri ketika ditemui selepas merasmikan bangunan Pembangunan dan Penyelidikan Robert Bosch di sini.

Serentak dengan itu beliau menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Cina kononnya kabinet mengambil keputusan dalam mesyuaratnya baru-baru ini untuk menyingkirkan Tan Sri Elyas Omar

daripada jawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Katanya, isu pembelian kereta Volvo itu memang ditimbulkan dalam mesyuarat kabinet tetapi tidak adasebarang tindakan diputuskan.

Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak merahsiakan sebarang perbelanjaan jabatan kerajaan kerana ia menjadi hak rakyat mengetahuinya dan setiap tahun kerajaan memaklumkan belanjawan dan laporan perbelanjaannya.

Tuduhan

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata sebarang tuduhan mengenai apa yang berlaku dalam pejabat seharusnya dibuat kepada para pegawai atau menteri.

"Kerajaan tidak pandang ringan terhadap perbuatan yang curang itu (membocorkan rahsia) kerajaan. Kerajaan boleh ambil tindakan daripada la-

poran yang diterima tetapi jika disampaikan kepada orang luar, ini bermakna melanggar undang-undang," katanya.

Menurutnya dalam kes Volvo itu, ia didedahkan bukannya dengan izin kerajaan dan merupakan satu perbuatan curang pegawai kerajaan.

Diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Luar Indonesia Ali Alatas bahawa pengiriman tentera ke Bosnia-Herzegovina untuk menyelesaikan masalah di negara itu bukan satu keputusan matang, Dr. Mahathir berkata Malaysia sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan berbuat begitu jika PBB memutuskannya.

"Tiada salahnya Malaysia menghantar tentera ke Bosnia jika PBB membuat keputusan itu. Adalah pelik bagi Malaysia sebagai anggota PBB jika tidak sanggup menghantar sama tentera kita," katanya.